

Sejarah Pembukaan Masjid dan Konflik yang Melatari Masyarakat Melayu Pulau Pinang

Zulkifli bin Dahalan (UiTM), Prof Madya Dr Rahimin Affandi bin Abd Rahim (UM),
Halipah binti Hamzah (UiTM) & Nor Hayati Bt Md Dahlal (UiTM)
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, UiTM Kampus Pulau Pinang
Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Abstrak - Sejak kedatangan Islam, bangsa Melayu cukup terkesan dengan kewujudan masjid. Institusi ini cukup berperanan dalam mewarnai suasana kehidupan masyarakat Melayu kerana lingkungan kehidupan mereka sering terkait dengan masjid. Pembukaan masjid di Pulau Pinang agak menarik untuk dikaji kerana ia antara negeri di Malaysia yang lewat ditubuhkan Majlis Agama Islam. Selain bangsa Melayu, penduduk Islam di Pulau Pinang terdiri daripada pelbagai etnik dan mazhab sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi. Tanpa kawalan pentadbiran Islam yang berkesan menyebabkan munculnya konflik seiring dengan kewujudan masjid. Penulisan ini bertujuan mengetengahkan sejarah pembukaan beberapa buah masjid di Pulau Pinang dan suasana konflik yang melatariannya.

1. Pendahuluan

Isu perbalahan dalam kalangan umat Islam khususnya bangsa Melayu sering menjadi fokus perbincangan. Ianya berlarutan sekian lama dan belum nampak titik penyelesaiannya. Kemunculan parti-parti politik orang Melayu dengan sering menampakkan perbezaan bukan punca awal berlakunya perpecahan dalam kalangan masyarakat Melayu dan umat Islam. Perpecahan ini telahpun wujud ketika era penjajah lagi.

Kedudukan majoriti atau minoriti masyarakat Melayu bukan batasan kepada berlakunya perpecahan. Masyarakat Melayu tidak membentuk jumlah majoriti penduduk di Pulau Pinang, namun tetap berlaku konflik sesama mereka semenjak era penjajahan lagi. Keadaan di Pulau Pinang agak menarik perhatian apabila kebanyakan daerahnya mempunyai masjid berdekatan sehingga terpaksa digilirkan sembahyang Jumaat antara keduanya. Setiap masjid mempunyai jawatankuasa tersendiri untuk mengendalikannya. Kedudukan ini banyak dipengaruhi oleh faktor sejarah negeri Pulau Pinang itu sendiri.

2. Sejarah Kependudukan di Pulau Pinang

Pulau Pinang dikenali demikian kerana banyaknya pokok pinang yang tumbuh subur di situ. Ketika abad ke 16, Pulau Pinang lebih dikenali di kalangan masyarakat Portugis sebagai '*Pulo Pinaom*'. British pula memanggilnya dengan nama '*Penang*' dan dikenali juga sebagai '*Island Of The Betelnut Trees*'. Pulau Pinang dahulunya merupakan sebahagian daripada negeri Kedah sehingga Francis Light mengasaskan pengkalan perdagangan British untuk Syarikat India Timur di sini. Beliau mendarat dan menguasai pulau ini pada tahun 1786. Bagi merangsang penduduk membersihkan kawasan hutan paya, wang syiling telah ditabur ke hutan paya tersebut (Menyingkap Rahsia Jalan-Jalan

Di George Town, Penang Heritage Trust). Pulau Pinang ditawarkan kepada Francis Light oleh Sultan Abdullah dari Kedah. Francis Light kemudian menamakannya 'Prince Of Wales' sempena kelahiran putera 'Prince Of Wales' di Britain (Philip Little, 1986). Daerah Seberang Perai pula dinamakan sebagai 'Province Wellesley' sempena nama Jeneral Wellesley yang telah mencadangkan agar daerah tersebut dibeli daripada Sultan Kedah (Arenawati, 1969).

3. Bangsa Melayu di Pulau Pinang

Penempatan umat Islam di Pulau Pinang dikesan wujud sebelum kedatangan Francis Light lagi. Ketika pendaratan Francis Light di sekitar Julai 1786, beberapa kawasan tertentu telah didiami oleh orang-orang Melayu. Mereka bekerja sebagai nelayan, pedagang, pelebur timah dan ada juga yang menjadi lanun. Kenyataan ini diperkukuh lagi dengan laporan yang menyebutkan rombongan Inggeris telah bertemu dengan sekumpulan penduduk di sepanjang pantai dalam kawasan dikenali sebagai Datuk Keramat (Md. Salleh Md. Gaus, 1984). Terdapat juga pandangan lain menyatakan, Pulau Pinang telah diduduki sekumpulan orang Melayu sejak tahun 1705 lagi di kawasan tebing selatan Sungai Pinang (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1987).

Pulau Pinang mula dibanjiri penduduk daripada berbagai kaum dan bangsa apabila Inggeris memajukannya sebagai sebuah pelabuhan bebas yang utama di Nusantara. Kebanyakan mereka datang untuk berdagang dan tidak kurang juga yang mencari penempatan baru. Kebanyakan penghijrah terdiri daripada orang Melayu yang datang dari Semenanjung Tanah Melayu, diikuti oleh orang-orang India, Cina dan sejumlah kecil orang-orang Arab, Inggeris, Jawa, Bugis dan lain-lain (L.A Mills, 1966). Selain orang Melayu, masyarakat Islam Pulau Pinang terdiri daripada orang-orang India, Melayu yang dikenali sebagai Jawi Pekan dan sedikit orang-orang Cina. Mereka hidup dalam kelompok masing-masing mengikut kaum. Corak hidup secara terasing ini menyebabkan tidak wujudnya kesatuan antara mereka. Keadaan ini berlarutan dalam urusan agama apabila di antara mereka wujudnya guru agama masing-masing.

Bangsa Melayu merupakan penduduk asal di Pulau Pinang. Daripada segi peratusan, orang Melayu merupakan 42.5% daripada jumlah penduduk Pulau Pinang yang mencecah lebih 1.5 juta orang. Bilangan orang Melayu adalah seramai 558,216, kurang 52,538 daripada kaum Cina yang membentuk 46.5% penduduk Pulau Pinang (Abd Malik, 2009). Di bahagian pulau, kebanyakan mereka tinggal di persisiran pantai Jelutong, Air Itam, Kampung Dodol, Tanjung Tokong, Tanjung Bunga, Telok Bahang dan persekitaran Daerah Barat Daya di Balik Pulau yang menjangkau Telok Kumbar, Batu Uban dan Sungai Ara. Sebahagian lagi tinggal di tanah besar iaitu Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS). Majoriti penduduk Pulau Pinang adalah berketurunan Cina, menguasai politik dan ekonomi Pulau Pinang. Sejarah telah menunjukkan kependudukan Pulau Pinang diisi oleh pelbagai bangsa setelah kedatangan penjajah.

Pulau Pinang agak lewat menerima pentadbiran Islam secara tersusun berbanding dengan negeri-negeri lain. Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hanya menjadi kenyataan setelah beberapa tahun negara mencapai kemerdekaan. MAINPP ditubuhkan pada 28 Julai 1960M bersamaan 4 Safar 1380H di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1959 (sekarang Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004). Sebelum penubuhan MAINPP,

keputusan mengenai agama diputuskan sendiri oleh penduduk setempat. Setiap penempatan mempunyai tokoh-tokoh rujukan mereka sendiri. Jika berlaku pertelingkahan antara tokoh-tokoh tersebut, mereka akan membentuk kumpulan masing-masing. Keadaan menjadi bertambah rumit apabila pertelingkahan tersebut membawa mereka bertelingkah dalam urusan agama. Mereka tidak bersedia untuk bersama sehingga bertindak menubuhkan masjid masing-masing. Justeru wujudlah di beberapa kawasan berbilang masjid dalam kariah yang sama. Tiada tindakan berkesan dapat dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut kerana ketiadaan pihak berkuasa agama yang berwibawa dan diyakini penduduk.

Tidak semua proses pembinaan masjid-masjid dan pentadbirannya di Pulau Pinang berjalan dalam suasana mudah. Timbul konflik yang melibatkan perbezaan etnik serta berlakunya percanggahan dengan kefahaman masyarakat setempat. Diantara masjid-masjid tersebut, konflik yang melatari Masjid Kapitan Keling dengan Masjid Melayu Lebuh Acheh, Masjid Batu dengan Masjid Papan, Masjid Lama Sungai Bakap dengan Masjid Baru Sungai Bakap dan Masjid Kampung Pelet agak menarik untuk diketahui.

4. Masjid Kapitan Keling dan Masjid Melayu Lebuh Acheh

Kedua-dua buah masjid ini terletak berdekatan dengan Bandar George Town, Pulau Pinang. Masjid Kapitan Keling diasaskan sebelum tahun 1800. Ia mula dibina pada tahun 1803 terletak di Lebuh Pitt (sempena nama William Pitt, bekas Perdana Menteri England). Perkataan Kapitan Keling adalah merujuk kepada kapten atau ketua kepada masyarakat India Muslim. Masjid ini dibina oleh tentera Syarikat India Timur apabila mereka tiba di Pulau Pinang pada akhir abad ke-18. Kehadiran mereka menyebabkan populasi penduduk India Muslim semakin bertambah. Masjid yang lebih besar diperlukan bagi memenuhi pertambahan yang berlaku (B. Hidayathullah, 2002).

Ketua kaum India Muslim ketika itu adalah Cauder Mohideen Merican suku Maraikkayar (disebut sebagai Marican di Malaysia) dikenali juga sebagai Kapten Keling (Abdur-Razzaq Lubis, 2002). Beliau merupakan seorang saudagar batu permata (marican-dikatakan juga dari sini timbulnya gelaran Marican) yang berasal dari daerah Parangipettai, Selatan Tamil Nadu telah menetap di Pulau Pinang (B. Hidayathullah, 2002). Cauder Mohideen menjadi mandor kapal dan berdagang dengan Nagore, Nagapattinam di India serta Kedah. Beliau dilantik sebagai Kapitan Keling pada tahun 1801, menjadi ketua masyarakat Keling (India Muslim) di Tanjung (Abdur-Razzaq Lubis, 2002). Cauder Mohideen telah bertemu dengan Sir George Leith, leftenan pemerintah Pulau Pinang ketika itu memohon sebidang tanah untuk didirikan sebuah masjid. Pada 2 November 1801, Sir George Leith telah mengurniakan tanah seluas 18 ekar di Lot 1221 atas nama sebuah lembaga untuk dibangunkan sebuah masjid. Masjid tersebut didirikan pada tahun 1803 dan dinamakan sebagai Masjid Kapitan Keling sebagai mengenang jasa Cauder Mohideen (Neil Khor Jin Keong, 2002). Sebelum ini pedagang-pedagang India yang singgah di situ menggunakan pondok kecil di atas tapak masjid untuk menunaikan kewajipan ibadat mereka (B. Hidayathullah, 2002).

Selepas terbinanya masjid, kawasan tersebut mula mengalami perkembangan. Beberapa buah jalan dan bangunan telah dibangunkan melalui usaha Kapten Keling. Atas sifatnya sebagai Kapitan Keling, Cauder Mohideen menghakimi pengadilan mahkamah dua kali seminggu. Beliau turut berperanan mencatat perkahwinan, kelahiran dan kematian anggota-anggota masyarakat India Muslim. Dari sudut perkahwinan,

beliau mempunyai tiga orang isteri. Isteri pertamanya bernama Pattani Amah Othman Nachair alias 'Pathni' Fatimah Nachair dari India. Isteri keduanya bernama Che Aminah dan isteri ketiganya bernama Tuanku Wanchik Thaibu (Taiboo) alias Wan Maheran, kerabat diraja Kedah. Kapitan Keling meninggal dunia pada tahun 1834 dan dikebumikan di tanah perkuburan yang diwakafkannya di Kampong Kolam (Abdur-Razzaq Lubis, 2002).

Selepas kematiannya, tanah yang telah diperolehi itu tidak lagi diiktiraf sebagai sebahagian daripada tanah pemberian asal. Keadaan ini kerana jalan-jalan awam, bangunan-bangunan, rumah-rumah yang dibina sekeliling masjid telah mengurangkan kawasan masjid yang asalnya 18 ekar kepada 8 ekar pada tahun 1903. Rumah-rumah setinggan telah pun wujud sebelum pembinaan masjid lagi. Sebelum itu pada tahun 1899 beberapa pemegang amanah telah menjual sebahagian tanah kepada ahli perniagaan berbangsa Cina. Ia telah menimbulkan bantahan dari persatuan-persatuan India Muslim (B. Hidayathullah, 2002).

Masjid Kapitan Keling telah beberapa kali mengalami pengubahsuaian. Binaan asas masjid berbentuk segi empat tepat ini satu ketika dahulu mempunyai beranda serta bumbung berbentuk tajam. Masjid yang ada sekarang dibina pada tahun 1916 bagi menggantikan bangunan lama. Arkitek berbangsa British telah diberi kepercayaan oleh Lembaga Tabung Masyarakat Islam dan Hindu untuk membina semula masjid ini. Struktur binaannya di dalam dan di luar banyak dipengaruhi unsur-unsur senibina Moghul. Struktur senibina masjid ini disediakan oleh Moorish Architect (India). Menaranya pula dibina oleh seorang arkitek yang bernama H.A. Neubronner F.R.I.B.A pada 18 Februari 1916. Pengubahsuaian terus dilakukan dan hingga kini proses tersebut masih berjalan (Meera Mydin, 2002).

Masjid Melayu Lebuh Acheh yang dikenali juga sebagai Masjid Jamek pula terletak di Lebuah Acheh (Acheen Street) dan dibina pada tahun 1808. Masjid ini mempunyai warisan sejarah dan senibina yang tinggi terutamanya di zaman kegemilangan serta kebangkitan Islam di Pulau Pinang pada awal abad ke 19. Ia mempunyai warisan seni bina yang unik, dilengkapi dengan menara bersegi lapan, kolam wuduk, tandas, perigi, anjung (*verandah*) dan kawasan perkuburan yang mencerminkan gabungan pengaruh seni bina Moorish (seni bina yang berasal dari utara India) China dan Klasikal. Masjid ini dibina oleh Tengku Syed Hussain al-Aidid, seorang pedagang Arab dari keturunan keluarga diraja Acheh. Beliau berhijrah ke Pulau Pinang pada tahun 1792 dan kemudiannya membuka pejabat di hujung Jalan Acheh. Beliau mewakafkan tanah seluas 66,396 kaki persegi untuk pembinaan masjid tersebut. Tengku Syed Hussain al-Aidid adalah seorang pedagang Acheh yang kaya dan berjaya ketika Pulau Pinang baru dibuka oleh Kapten Sir Francis Light pada akhir abad ke 18 (A. Ghafar Ahmad, 2002).

Kekayaannya diakui oleh Kapten Francis Light. East India Company sendiri pernah meminjam wang darinya. Dengan kerjasama ahli keluarga dan pengikutnya, beliau telah membuka dan memajukan sebuah penempatan di Lebuah Acheh. Usaha ini berjaya menarik kedatangan ramai pedagang baru dari negeri-negeri di Tanah Melayu, Tanah Arab dan India. Tengku Syed Hussain al-Aidid ditabal menjadi Sultan Acheh pada tahun 1816, kemudian digantikan oleh anaknya. Beliau meninggal dunia pada tahun 1826 dan dikebumikan berhampiran masjid tersebut. Penempatan ini terus mencapai kemajuannya hingga awal abad ke 20 (Kertas Edaran PHT- Warisan Kita Di Tanjung, 2002).

Muhammad Ibrahim Munysi dalam 'Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munysi' pernah mengunjungi Pulau Pinang pada tahun 1872. Berkaitan dengan Masjid Melayu Lebuah Acheh, beliau menyebutkan "*Kebanyakan peranakan Keling yang berniaga dinamakan bangsa itu 'anak-anak Jawi Pekan', dan peranakan Melayunya banyak yang berlayar-layar dan berniaga, dan ada yang menjadi tukang membuat kasut dan lain-lain di dalam Jalan Masjid Melayu itu – dalam bahasa Inggeris namanya jalan itu Acheen Street. Dan di situ sebuah masjid Melayu besar, tiadalah berapa baik buaatannya melainkan lama dan buruk serta kotor jua tetapi diperbuat daripada batu dan atap genting.*"

Perkampungan Masjid Melayu Lebuah Acheh pernah dikenali sebagai Jeddah Kedua. Ia pernah menjadi tempat berlepas ratusan bakal-bakal haji daripada Malaysia, Indonesia dan Thailand ke Mekah. Mereka berlepas ke Tanah Suci dengan menggunakan kapal laut. Setiap kali musim haji tiba, persekitaran Masjid Melayu Lebuah Acheh menjadi sibuk dengan urusan bakal-bakal haji. Urusan ini terhenti ketika Perang Dunia Kedua dan disambung semula pada tahun 1949. Kegiatan ini terus terhenti dengan tertubuhnya Lembaga Urusan Dan Tabung Haji Malaysia pada awal 1970 (A. Ghafar Ahmad, 2002).

Lebuah Acheh turut mendapat pengaruh daripada Gerakan Islah yang diterajui oleh tokoh Arab seperti Sheikh Abdul Ghani dan Sheikh Omar Basheer pada pertengahan abad ke 19. Pada tahun 1916 Madrasah al-Qur'an dibuka di Lebuah Acheh oleh pemuka-pemuka Arab. Ini menjadikan ianya sebagai tempat pengajian bagi orang-orang Arab dan Islam. Seterusnya berlaku pembukaan kedai-kedai kitab oleh orang-orang Arab disusuli oleh orang Rawa dari Rao, Sumatera yang membuka kedai percetakan. Acheen Street terus berkembang dan pernah menjadi pusat penerbitan dan pengedaran buku-buku agama yang terbesar di Semenanjung (Kertas Edaran-Lebuah Acheh & Lebuah Armenian Wadah Tumpuan Warisan Budaya).

Berdasarkan rekod di Madras India, pada tahun 1800 penduduk India Muslim di Pulau Pinang dianggarkan seramai 10,000 orang. Sebahagiannya telah kembali ke India. Mereka datang sebagai peniaga batu permata dan juga buruh. Penduduk pula dipercayai berasal dari Kedah dan Acheh. Penghijrahan dari Kedah berlaku akibat persengketaan antara Kedah dengan Siam (B. Hidayathullah, 2002).

5. Konflik Antara Masjid Kapitan Keling dengan Masjid Melayu

Daripada sudut usia, Masjid Kapitan Keling dipercayai lebih awal dibina berbanding Masjid Melayu Lebuah Acheh. Pembinaan kedua-dua buah masjid banyak dipengaruhi oleh faktor kaum yang tinggal di sekitarnya. Dari segi kependudukan, majoriti kaum India Muslim tinggal di sepanjang Lebuah Pitt dan Lebuah Chulia dan peniaga Arab yang datang dari Acheh tinggal di Lebuah Acheh dan Lebuah Armenian (Neil Khor Jin Keong, 2002). Di peringkat awal, kedua-dua buah masjid mengadakan sembahyang Jumaat secara berasingan. Ketika tempoh tersebut tidak timbul sebarang permasalahan kerana masing-masing mempunyai pengunjung tetap tersendiri.

Tradisi penggiliran sembahyang Jumaat ini dikatakan berjalan sejak ratusan tahun yang lalu. Berdasarkan keterangan Hj. Fathil Basheer, proses penggiliran ini bermula ketika datuknya Sheikh Omar Basheer (meninggal dunia 1881) menjadi imam di Masjid Melayu Lebuah Acheh. Berliku perdebatan antara ahli kariah Lebuah Acheh dengan Masjid Kapitan Keling berkenaan dengan masalah penentuan hari raya puasa. Pihak

Masjid Kapitan Keling tidak bersetuju dengan penentuan hari raya puasa yang dibuat oleh Sheikh Omar Basheer. Bagi meyakinkan pendapatnya, Sheikh Omar Basheer telah bertindak membunyikan meriam Masjid Melayu Lebuah Acheh yang dihalakannya ke Masjid Kapitan Keling. Keesokan harinya masyarakat di Lebuah Acheh berhari raya sedangkan umat Islam di Masjid Kapitan Keling meneruskan puasa mereka (Neil Khor Jin Keong, 2002).

Situasi ini jika dibiarkan akan mengakibatkan pertelingkahan yang lebih besar antara dua komuniti tersebut. Usaha dilakukan oleh beberapa pihak bagi meredakan pertelingkahan yang berlaku. Akhirnya diputuskan supaya sembahyang Jumaat antara kedua-dua buah masjid digilirkan. Ini sebagai satu cara untuk menggalakkan interaksi antara dua komuniti berpengaruh ini. Keputusan ini telah berjalan selama beberapa generasi dan diteruskan hingga ke hari ini (Neil Khor Jin Keong, 2002).

Penggiliran sembahyang Jumaat terpaksa diteruskan kerana kedudukan Masjid Melayu Lebuah Acheh bermazhab Syafie yang mengalami kekurangan ahli jamaah. Persekitaran Masjid Melayu Lebuah Acheh tidak lagi didiami oleh majoriti orang-orang Islam. Dalam mazhab Syafie minima ahli jamaah bagi menjalankan sembahyang Jumaat adalah sebanyak 40 orang penduduk tempatan. Kekurangan ini jelas kelihatan apabila kedua-dua buah mengadakan sembahyang hari raya masing-masing. Kehadiran kakitangan kerajaan ketika hari bekerja banyak membantu menampung kekurangan ini. Ia tidak berlaku kepada Masjid Kapitan Keling kerana komuniti India Muslim banyak menjalankan perniagaan di sekitarnya. Majoriti mereka pula bermazhab Hanafi yang tidak mensyaratkan jumlah sebanyak itu (B. Hidayathullah, 2002).

6. Masjid Sungai Dua Pekan dan Masjid Haji Abdul Rashid

Masjid Sungai Dua Pekan dan Masjid Haji Abdul Rashid terletak di Sungai Dua dalam Daerah Seberang Perai Utara. Masjid Sungai Dua Pekan terletak bersebelahan jalan utama di Pekan Sungai Dua (pernah dikenali sebagai Aur Gading). Tarikh sebenar masjid ini ditubuhkan tidak dapat dikesan. Dipercayai ia telah pun wujud ratusan tahun yang lalu. Pada peringkat awal pembinaannya, masjid ini dikatakan berlantai papan dan beratap nipah. Tapak pembinaannya diwakafkan oleh penduduk setempat. Berdekatan masjid terdapat beberapa perkuburan yang dipercayai mempunyai hubungkait dengan pemilik tanah tersebut. Sekitar tahun 1930an, Masjid Sungai Dua Pekan diperbesarkan berikutan bilangan penduduk yang semakin bertambah. Selepas pendudukan Jepun, masjid ini telah diubahsuai kepada dinding konkrit dan bertatap zink (Hj. Othman Sahid, 2002).

Terdapat juga sumber yang tidak dapat disahkan menyatakan tapak asal masjid ini adalah di Kampung Telok, lebih kurang 3 kilometer jaraknya dari Pekan Sungai Dua menuju ke Butterworth. Di kampung tersebut terdapat bekas-bekas tapak rumah ibadat orang Islam yang telah ditinggalkan. Pemindahan masjid dari Kampung Telok terpaksa dilakukan kerana bilangan penduduk yang semakin berkurangan di situ. Namun punca sebenar perpindahan masjid tersebut ke Pekan Sungai Dua tidak dapat dikenal pasti. Sumber yang sama juga menyatakan sebelum pemindahan berlaku, penduduk setempat telah pun membina masjid mereka sendiri (Masjid Haji Abdul Rashid) kerana jarak masjid sedia ada jauh serta menyulitkan mereka untuk datang beribadat. Pemindahan masjid ini dari Kampung Telok ke Pekan Sungai Dua menyebabkan jaraknya dengan masjid sedia ada menjadi bertambah dekat. Inilah antara faktor penyumbang kepada

wujudnya masjid secara berdekatan di Sungai Dua, Butterworth (Hj. Yusof Idris, 2002). Jika diterima sumber ini, Masjid Haji Abdul Rashid menjadi masjid yang pertama didirikan di situ Dakwaan itu diperkukuhkan lagi dengan kewujudan tapak perkuburan berhampiran dengan masjid tersebut.

Namun terdapat juga sumber menegaskan bahawa Masjid Sungai Dua Pekan telah pun dibina awal sebelum Masjid Haji Abdul Rashid. Ia menjadi tumpuan semua umat Islam dengan didokongi oleh tokoh-tokoh masyarakat ketika itu. Masjid Haji Abdul Rashid diingati hanyalah sekadar binaan kecil menyerupai masjid dengan beberapa batang tiang yang tidak terpelihara. Secara kebetulan binaan ini terletak di tepi tanah perkuburan. Ia dikatakan dibina oleh Syed Abdul Hamid yang berasal dari Bayan Lepas, Pulau Pinang dan pengikut-pengikutnya. Pembina masjid ini dikaitkan dengan ajaran sesat. Beliau dikatakan membawa satu amalan yang agak ganjil (ajaran Taslim) dan tidak dapat diterima oleh masyarakat setempat. Syed Abdul Hamid berjaya memujuk pemilik tanah berhampiran kubur tersebut bagi dibina sebuah bangunan untuk beribadat. Ia tidak dipedulikan oleh majoriti masyarakat selama beberapa lama dan terbiar. Sebelum pembinaan masjid, Syed Abdul Hamid menyampaikan ajaran Taslim di rumahnya di Pengkalan Machang. Penduduk di situ terbahagi kepada dua golongan. Manakala tapak perkuburan berdekatan sememangnya telah pun wujud sekian lama dan digunakan oleh semua umat Islam di Sungai Dua. Tanah perkuburan itu diwakafkan oleh penduduk setempat untuk semua umat Islam dengan dikendalikan oleh Masjid Sungai Dua Pekan (Hj. Ariffin Saidin, 2002).

Masjid Haji Abdul Rashid sebelum ini lebih dikenali sebagai Masjid Sungai Dua Pokok Setul sempena seponon pokok setul besar yang tumbuh di tanah tersebut. Pengubahan nama ini sebagai mengenang jasa Haji Abdul Rashid bin Haji Hashim, seorang tokoh agama yang pernah menjawat jawatan mufti kerajaan negeri Pulau Pinang. Haji Abdul Rashid telah berusaha menghidupkan aktiviti beribadat di masjid ini (Hj. Othman Rejab, 2002). Ketika masih hidup, beliau enggan menamakan masjid itu dengan namanya (Hj. Yusof Idris, 2002).

Masjid Haji Abdul Rashid terletak di jalan utama menuju ke Kepala Batas. Masjid ini dipercayai didirikan pada tahun 1918. Binaan awalnya bertiangkan batang nibong dan beratap nipah. Pada tahun 1927, masjid ini didirikan semula dengan bertiangkan bata dan berbumbungkan genting lama. Kemudian keadaannya terbiar beberapa lama sehinggalah negara hampir mencapai kemerdekaan. Pada tahun 1958 jawatankuasa masjid bersetuju untuk memperelokkan masjid. Mereka bergotong royong memperbaiki masjid. Bentuk masjid sebelumnya lebih menyerupai sebuah rumah kampung. Kewangan masjid diperolehi melalui pungutan zakat dan juga derma. Pembinaannya ketika itu disiapkan dengan didirikan dinding papan manakala lantainya diperbuat daripada simen (Hj. Ashaari Ibrahim, 2002). Bentuknya sedikit sebanyak masih kekal dapat dilihat sehingga hari ini. Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia pernah menjadikan masjid ini sebagai tempat beliau bersyarah ketika negara hampir mencapai kemerdekaan (Hj. Yusof Idris, 2002).

Penelitian penulis melalui berbagai sumber mendapati pembinaan Masjid Sungai Dua Pekan adalah lebih awal daripada Masjid Sungai Dua Pokok Setul. Responden secara umumnya lebih mengingati peristiwa-peristiwa berkaitan Masjid Sungai Dua Pokok Setul berbanding Masjid Sungai Dua Pekan. Mendahulukan penggiliran sembahyang Jumaat di peringkat awalnya di Masjid Sungai Dua Pekan turut membuktikan kebenaran tersebut. Penerajuan kepimpinan Masjid Sungai Dua Pekan oleh tokoh-tokoh

masyarakat ketika itu memperkukuhkan lagi hipotesis ini. Bagi penulis, kurangnya kesedaran terhadap kepentingan sejarah menyebabkan beberapa perkara penting mengenai kedua-dua buah masjid tidak dapat diperolehi dalam kajian seperti pengasas, tarikh pembinaan dan lain-lain bentuk sejarah.

7. Situasi Sebelum Penggiliran

Beberapa sebab dinyatakan sebagai punca pertelagahan antara kedua-dua belah pihak. Menurut satu sumber, pertelingkahan berlaku apabila pihak Masjid Sungai Dua Pekan enggan bersembahyang di Masjid Sungai Dua Pokok Setul (Masjid Haji Abdul Rashid) akibat pertikaian mengenai kedudukan kiblat masjid tersebut. Peristiwa ini dikatakan berlaku ketika ketiadaan Haji Abdul Rashid yang pergi ke Mekah untuk mengerjakan ibadat haji. Pada pandangan mereka kedudukan kiblat Masjid Sungai Dua Pokok Setul tidak menepati kedudukan kiblat sebenarnya. Golongan yang tidak bersetuju kemudiannya telah membina masjid baru yang dikenali sebagai Masjid Sungai Dua Pekan. Masjid Sungai Dua Pokok Setul kemudiannya telah ditinggalkan kerana majoriti masyarakat beralih ke Masjid Sungai Dua Pekan. Sepulangnya Haji Abdul Rashid dari Mekah, beliau menegur perbuatan penduduk tersebut dan menasihati mereka agar tidak meninggalkan Masjid Sungai Dua Pokok Setul (Hj. Khalid Ahmad, 2002).

Menurut beberapa sumber lain, keengganan mereka ke masjid itu kerana tidak selesa untuk beribadat di tempat yang pembinaanya dikaitkan dengan ajaran sesat (Taslim). Ajaran Taslim yang dikenali juga sebagai ajaran Haji Ahmad Matahari suatu ketika mempunyai ramai pengikut di Bayan Lepas, Pulau Pinang iaitu di Kampung Seronok. Syed Abdul Hamid yang dikatakan berasal dari Bayan Lepas bertanggungjawab membawa ajaran ini masuk ke Sungai Dua. Kebanyakan pengikutnya terdiri dari keturunan Syed. Majoriti masyarakat Islam setempat tidak dapat menerima golongan ini yang amalan mereka bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar (Hj. Ariffin Saidin, 2002).

Dalam ajaran Taslim, pengikutnya disifatkan sebagai orang-orang Islam yang asli dan benar. Seseorang itu akan diiktiraf secara rasmi sebagai Islam apabila mereka berjumpa dengan pengganti Rasulullah SAW (ketua ajaran Taslim) dan diiktirafnya. Mereka akan dijamin masuk syurga dan kehidupan kemudiannya akan terasing dari masyarakat setempat yang tidak sama pegangan dengan mereka. Mereka akan mempunyai masjid mereka sendiri. Pengikut ajaran Taslim akan diijazahkan oleh guru mereka dalam satu majlis wirid. Upacara diakhiri dengan majlis zikir secara beramai-ramai, bercampur gaul antara lelaki dan perempuan. Jika berlaku persetubuhan sesama mereka, anak yang dilahirkan akan dianggap sebagai anak soleh. Isteri yang baru dinikahi akan ditiduri terlebih dahulu oleh ketuanya dalam upacara yang dipanggil sebagai nikah batin (Fadhullah Jamil, 1994).

Kecelaruhan ajaran ini sudah tentu tidak dapat diterima oleh penduduk Islam setempat. Haji Mustafa bin Haji Saleh, seorang guru agama yang disegani ketika itu melarang penduduk tempatan mendekati masjid tersebut. Larangan tersebut kerana amalan yang dibawa oleh mereka adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru masjid yang dibina oleh kumpulan tersebut turut dipinggirkan. Walaupun tidak menerima kunjungan yang ramai, terdapat segelintir penduduk tidak bersama umat Islam yang lain ke Masjid Sungai Dua Pekan untuk bersembahyang Jumaat. Mereka tetap ke Masjid Sungai Dua Pokok Setul pada hari Jumaat walaupun jumlah jamaah tidak mencukupi sebagaimana

dalam mazhab Syafie (Hj. Mat Noor Ali, 2002). Ia diakui sendiri oleh responden dari masjid tersebut. Keadaan ini berkekalan buat beberapa lama dengan masing-masing mempertahankan masjid mereka.

Haji Mustafa merupakan guru agama yang mempunyai pondok pengajiannya sendiri. Beliau pernah menuntut di Mekah dan pulang ke Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1950an, beliau bercadang untuk ke Mekah semula. Rumahnya di Sungai Dua ditinggalkan kepada Haji Abdul Rashid yang juga merupakan adik kepada isterinya. Keinginannya untuk menetap di Mekah tidak menjadi kenyataan apabila Kerajaan Arab Saudi hanya membenarkan penghijrah yang datang sebelum 1950an menetap di situ. Beliau pulang semula dan tinggal di Permatang Tok Jaya (Hj. Mat Noor Ali, 2002).

Haji Mustafa tidak mempunyai anak. Beliau memelihara adik iparnya Haji Abdul Rashid. Haji Abdul Rashid dihantar belajar ke Palestin selama beberapa lama. Setelah tamat pengajian beliau pulang pada tahun 1955 dan mengajar di Masjid Tinggi, Perak. Pada tahun 1956 Haji Abdul Rashid kemudiannya pulang untuk mengajar di Madrasah al-Khairiah, Pokok Sena, Kepala Batas. Kepulangannya sebagai menyahut ajakan gurunya Haji Ahmad Tuan Husain. Haji Ahmad Tuan Husain meminta agar Haji Abdul Rashid berbakti memperbaiki masyarakat tempatan terlebih dahulu. Menghormati pandangan gurunya, beliau berhenti mengajar di Perak dan pulang ke Pulau Pinang. Haji Abdul Rashid mempunyai pekerti yang warak, ikhlas dan bersedia bertugas di situ walaupun dengan pendapatan yang rendah. Pada tahun 1957 beliau menetap di Sungai Dua. Haji Abdul Rashid pernah dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beliau memegang jawatan tersebut selama lebih kurang 2 tahun dan meninggal dunia pada 12 Disember 1984 ketika menjawat jawatan itu. Jenazahnya dikebumikan berhampiran masjid yang dinamakan dengan namanya (Hj. Mat Noor Ali, 2002).

Isteri Haji Abdul Rashid, Hajjah Hindon binti Haji Saad berasal dari kampung berdekatan Masjid Sungai Dua Pokok Setul. Kedudukan ini memberi kesan kepada Haji Abdul Rashid. Timbul keinginan di hatinya untuk menjadikan masjid tersebut berfungsi sebagaimana masjid-masjid lain. Beliau pernah menyebutkan kepada Haji Mat Noor bin Ali (sekarang Imam Masjid al-Amin), Masjid Sungai Dua Pokok Setul seumpama anak zina yang tidak bersalah. Masjid ini perlu dipelihara walaupun pendirinya dahulu adalah pengikut ajaran Taslim. Kumpulan Taslim tidak lagi berpengaruh di situ. Beliau bercadang untuk mendirikan sembahyang Jumaat di masjid tersebut. Haji Mustafa tidak menyetujuinya kerana ia boleh menyebabkan perpecahan. Bagi Haji Abdul Rashid, ianya dapat dilaksanakan melalui penggiliran sembahyang Jumaat antara kedua buah masjid. Situasi ini menjadi punca pertelagahan antara kedua tokoh ulama ini. Haji Mustafa kekal tidak bersetuju sehingga ke akhir hayatnya apabila beliau berwasiat supaya dikebumikan di tanah perkuburan Permatang Sungai Dua, bukan bersebelahan Masjid Sungai Dua Pokok Setul. Haji Abdul Rashid diminta oleh Haji Mustafa agar keluar daripada rumahnya (Hj. Mat Noor Ali, 2002). Tindakan ini menimbulkan simpati kepada penduduk di kampung isterinya. Mereka bergotong royong membina rumah untuk Haji Abdul Rashid di atas tanah pemberian ibu saudara isterinya (Hj. Ashaari Ibrahim, 2002).

8. Penggiliran Sembahyang Jumaat

Pertelagahan ini tidak terhenti setakat itu sahaja. Masyarakat terbahagi kepada dua kumpulan hingga berlakulah pulau memulau antara mereka. Pihak Masjid Sungai Dua Pekan mempunyai pakatan mereka sendiri yang bertanggungjawab menguruskan persoalan kematian dan kenduri-kendara ahli-ahlinya. Ahli-ahli dilarang sama sekali mengunjungi Masjid Sungai Dua Pokok Setul. Keadaan ini turut berjalan di Masjid Sungai Dua Pokok Setul. Pertelingkahan ini berlarutan buat beberapa lama (Hj. Khalid Ahmad, 2002).

Keazaman Haji Abdul Rashid untuk menyaksikan berlakunya penggiliran sembahyang Jumaat antara kedua buah masjid berhasil juga akhirnya. Pada tahun 1957 beliau telah memanggil kedua-dua jawatankuasa masjid dan menyampaikan hasratnya. Hasrat itu disambut baik oleh mufti ketika itu, Haji Adnan. Mereka bersetuju untuk bergilir dan surat persetujuan itu diserahkan kepada mufti. Selepas 3 hari negara mencapai kemerdekaan, penggiliran sembahyang Jumaat berjaya dilakukan. Giliran pertama sembahyang Jumaat dimulakan di Masjid Sungai Dua Pekan (Hj. Ashaari Ibrahim, 2002).

Namun timbul masalah apabila tidak semua ahli jamaah Masjid Sungai Dua Pekan bersetuju untuk bergilir khususnya golongan tua. Mereka tetap melakukan sembahyang Jumaat di situ selama beberapa lama. Haji Abdul Rashid dinasihati oleh Haji Ahmad Tuan Husain bahawa keadaan ini tidak akan berterusan. Ini terbukti apabila kebanyakan golongan tua ini tidak menghalang anak-anak mereka ke Masjid Sungai Dua Pokok Setul (Hj. Mat Noor Ali, 2002).

Keengganan kebanyakan ahli Masjid Sungai Dua Pekan menggilirkan sembahyang Jumaat dengan mendirikannya di situ menyebabkan pihak berkuasa agama mula mengambil tindakan. Pada tahun 1975, pihak berkuasa agama negeri mengarahkan agar Masjid Sungai Dua Pekan tidak mengadakan sembahyang Jumaat pada bukan gilirannya. Keputusan ini tidak dipatuhi sehinggalah ia dibawa ke mahkamah. Hakim Mahkamah Syariah, Haji Harussani Zakaria (sekarang Mufti Kerajaan Negeri Perak) memutuskan agar sembahyang Jumaat digilirkan antara kedua buah masjid. Tindakan akan diambil terhadap sesiapa yang mengingkarinya. Haji Abdul Rashid ketika itu turut menganggotai majlis fatwa Pulau Pinang (Hj. Mat Noor Ali, 2002).

Walaupun mahkamah telah memutuskan, terdapat juga segolongan ahli yang masih enggan ke Masjid Sungai Dua Pokok Setul walaupun Masjid Sungai Dua Pekan ditutup ketika giliran Masjid Sungai Dua Pokok Setul. Mereka mengerjakan sembahyang Jumaat di masjid-masjid lain yang berdekatan. Apabila generasi ini semakin tiada, proses penggiliran berjalan lancar dan tidak timbul lagi sebarang masalah. Penggiliran ini berjalan lancar walaupun kini Sungai Dua mempunyai masjid baru iaitu Masjid al-Amin terletak berdekatan Masjid Sungai Dua Pekan (Hj. Mat Noor Ali, 2002). Pembinaan masjid baru ini dilakukan bagi mengatasi kesesakan jemaah di Masjid Sungai Dua Pekan. Faktor berdekatan dengan jalanraya yang sentiasa sibuk turut menjadi perkiraan. Perasmian masjid ini dilakukan pada 2 September 2001 oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Masjid Sungai Dua Pekan tidak dirobohkan kerana statusnya sebagai masjid yang diwakafkan. Masjid al-Amin mengambil alih fungsi ibadat yang selama ini dijalankan di Masjid Sungai Dua Pekan. Masjid Sungai Dua Pekan tidak lagi digunakan untuk sembahyang Jumaat. Penggiliran dilakukan di Masjid al-Amin pula. Kini tidak

kedengaran lagi pertelagahan sesama penduduk yang membabitkan masjid (Hj. Othman Sahid, 2002).

Masjid tidak mempunyai persempadanan tertentu kerana kedua-duanya berada dalam kariah yang sama. Persempadanan hanya berlaku bagi memudahkan proses pengutipan zakat fitrah kerana kedua-dua buah masjid mempunyai amil masing-masing. Ahli-ahli bagi masjid adalah mengambil kira faktor tersebut. Dengan jumlah penduduk yang semakin bertambah, terdapat cadangan agar setiap buah masjid dibenarkan mendirikan sembahyang Jumaat secara berasingan. Sehingga kini ia masih belum mendapat perhatian sewajarnya dari pihak berkuasa agama. Penulis melihat pihak berkuasa agama lebih memberi keutamaan kepada faktor perpaduan antara penduduk.

9. Masjid Batu dan Masjid Papan

Masjid Batu dan Masjid Papan terletak di Kampung Pertama dalam Daerah Seberang Perai Tengah. Masjid Batu diakui sebagai masjid yang mula didirikan di situ. Masjid ini dibina pada awal kurun ke 18. Penubuhannya diasaskan oleh Haji Maideen yang lebih dikenali dengan gelaran Tok Kandu. Pembinaan seterusnya dilakukan oleh Haji Said, Haji Hamzah dan Haji Md. Amin. Masjid ini dinamakan sebagai Masjid Batu kerana kerana kebanyakan bahan binaannya diperbuat daripada batu. Ia dibina dengan menggunakan bata merah yang diperkukuhkan oleh madu lebah. Bangunan Masjid Batu agak kukuh dan kebanyakannya kekal hingga sekarang. Bersebelahan Masjid Batu terdapat tanah perkuburan yang diwakafkan (Hj. Ismail Ishak, 2002).

Pentadbiran Masjid Batu dijalankan oleh Haji Maideen dan ahli keluarganya. Masjid ini terletak bersebelahan Jalan Permatang Pauh. Jalan tersebut pada mulanya hanyalah sekadar lorong kereta lembu (Hj. Ismail Ishak, 2002). Kespantasan pembangunan menjadikan Jalan Permatang Pauh antara jalan yang sentiasa sibuk. Di kawasan ini tertumpu beberapa buah institusi kerajaan termasuklah UiTM Cawangan Pulau Pinang. Masjid batu sentiasa menjadi tumpuan orang beribadat kerana kedudukannya bersebelahan jalanraya dan sentiasa menjalankan aktiviti. Realitinya, fizikal Masjid Batu tidak lagi dapat menampung jumlah limpahan pengunjung yang sentiasa bertambah. Ia adakalanya membahayakan keselamatan jamaah yang melimpah hingga ke jalanraya.

Beberapa lama selepas ketiadaan Tok Kandu, perselisihan mula berlaku antara sesama ahli warisnya. Perselisihan tersebut dikatakan berlaku antara Haji Said (anak Tok Kandu) dengan Haji Musa (menantu Tok Kandu) berkaitan dengan kelayakan untuk mentadbir Masjid Batu. Punca pertelingkahan ialah apabila Haji Said menghendaki pentadbiran masjid itu dijalankan oleh ahli-ahli waris bapanya sahaja. Haji Musa pula mencadangkan agar beberapa jawatan penting masjid dipegang oleh ahli waris. Lain-lain jawatankuasa dan juga siak diserahkan kepada individu lain yang layak daripada kalangan penduduk kampung walaupun mereka bukan ahli waris. Keadaan ini juga dikatakan dipengaruhi oleh faktor mahukan keturunan masing-masing menguasai pentadbiran masjid. Keadaan menjadi bertambah parah lagi apabila terjadi perbezaan pandangan antara ahli keluarga Tok Kandu mengenai pembahagian harta pusaka. Haji Said dan Haji Musa turut terlibat dan mereka berbeza pandangan dalam soal pembahagian tersebut (Hj. Ibrahim Awang, 2002).

Akibat pertelingkahan yang berlaku, Haji Musa kemudiannya membawa diri ke Kampung Hutan Nibong (sekarang dikenali sebagai Permatang Nibong) kerana di situ

tinggal ramai ahli keluarganya. Perpecahan berlaku di kalangan anggota keluarga Tok Kandu. Sebahagiannya mengikut Haji Musa berpindah ke Kampung Hutan Nibong dan sebahagian lagi terus menetap di Kampung Sungai Derhaka (Kampung Pertama). Haji Musa membangunkan sebuah surau di situ sebagai kemudahan untuk beribadat (Hj. Ibrahim Awang, 2002).

Masjid Papan ditubuhkan pada tahun 1860an berasal dari sebuah surau yang ditubuhkan oleh Haji Musa di Permatang Nibong. Surau tersebut kemudiannya dipindahkan ke tempat sekarang di atas sebidang tanah yang turut diwakafkan oleh Haji Musa. Sekitar 1890an madrasah ini dinaikkan taraf menjadi sebuah masjid. Ia dikenali sebagai Masjid Papan Sungai Derhaka kerana keseluruhan bangunannya terdiri daripada papan dan kayu. Hanya tempat mengambil wuduk sahaja diperbuat daripada batu pejal (Hj. Hassan Musa, 2002).

Selaras dengan perkembangan semasa, kedua-dua buah masjid kemudiannya telah mengalami pengubahsuaian daripada bentuk binaan asal. Pengubahsuaian Masjid Batu selalunya melalui sumbangan orang ramai. Dengan program-program yang sentiasa mendapat sambutan, tidak sukar untuk mereka mendapat pungutan yang banyak. Tanah yang ada dimaksimakan penggunaannya bagi menampung limpahan pengunjung.

Kedudukan Masjid Papan adalah di tebing Sungai Derhaka yang sering melimpahkan air terutamanya ketika hujan lebat. Selain itu tanah yang dimiliki adalah terbatas untuk dilaksanakan pembangunan seterusnya. Tapak bersebelahan yang digunakan oleh masjid itu sendiripun adalah milik masyarakat setempat. Awal kurun ke-18, keseluruhan struktur binaan masjid diperbuat daripada papan dan kayu. Bahan batu pejal hanya digunakan untuk membuat kolah tempat mengambil wuduk. Pada tahun 1963 berlaku pengubahsuaian dengan beberapa bahagian diganti dengan batu dan juga papan. Pada tahun 1972 diubahsuai lagi dengan 3/4 bangunan kemudiannya terdiri daripada batu konkrit. Hanya bangunan di tingkat atas masih dikekalkan dengan papan. Sebagaimana Masjid Batu, masalah yang dihadapi oleh Masjid Papan ialah kekurangan tapak untuk pembangunan seterusnya (Hj. Ibrahim Awang, 2002).

Kesan sejarah pembinaan kedua-dua buah masjid dan pertelingkahan tersebut dapat dilihat melalui penamaan jalan-jalan JKKK di sekitar Kampung Pertama dengan nama-nama Haji Maideen, Haji Said dan Haji Musa. Jalan bersebelahan Masjid Papan dinamakan Jalan Makam Haji Musa kerana ia menuju ke tempat Haji Musa dikuburkan dan jalan bersebelahan Masjid Batu dinamakan jalan Haji Said bin Maideen sempena nama Haji Said. Ia membawa makna tersendiri sehingga tertubuhnya dua buah masjid di kawasan tersebut.

10. Penggiliran Sembahyang Jumaat

Jarak yang terlalu dekat sudah tentu tidak memungkinan mereka menunaikan sembahyang Jumaat secara berasingan. Responden yang ditemui tidak dapat memberikan tarikh yang tepat mengenai tarikh bermula penggiliran sembahyang Jumaat antara kedua-dua buah masjid. Generasi tua yang ditemui menjelaskan ia telah lama berjalan. Suasana ini berjalan beberapa lama dan tidak menimbulkan sebarang masalah antara mereka. Kegiatan di masjid dahulunya tidaklah seaktif sekarang. Kini masjid digunakan sepenuhnya sebagai tempat ibadat dengan berbagai-bagai aktiviti keagamaan.

Tokoh berikutnya yang memberi kesan kepada kedua-dua buah masjid adalah Haji Zabidi Ali. Beliau merupakan ahli agama tempatan yang bertugas di luar negeri Pulau

Pinang. Kepulungannya banyak membawa perubahan kepada masyarakat di kedua-dua buah masjid. Sekembali Haji Zabidi Ali (bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh mewakili PAS sebelum ditewaskan oleh Dato` Seri Anwar Ibrahim serta ADUN Sungai Dua) dari Terengganu (sebagai guru agama di Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu), beliau tinggal berdekatan dengan Masjid Batu. Haji Zabidi cuba mengaktifkan aktiviti di masjid ini. Beliau melantik Haji Ismail bin Ishak sebagai imam dengan pengawasannya bagi mengepalai urusan sembahyang di Masjid Batu . Sebelum itu Masjid Batu dikatakan tidak mempunyai imam yang khusus (Hj. Mokhtar Tajri, 2002). Bagi Masjid Papan, jawatan imam dipegang oleh Haji Hassan Musa

Haji Zabidi amat dihormati dan disegani oleh semua lapisan penduduk tanpa mengira fahaman politik. Beliau cuba untuk tidak menampakkan sebarang perbezaan antara kedua-dua buah masjid. Haji Zabidi bergilir-gilir menjadi imam di Masjid Batu dan Masjid Papan. Haji Hassan Musa, imam Masjid Papan turut diminta berbuat demikian. Jika beliau terpaksa bertugas di luar, imam Masjid Papan diminta untuk menggantikan gilirannya. Keadaan itu berterusan sehinggalah Haji Zabidi meninggal dunia (Hj. Ibrahim Awang, 2002). Penghormatan penduduk jelas kelihatan apabila sebatang jalan JKKK di Permatang Nibong disemadikan dengan namanya.

Haji Zabidi dikatakan individu yang bertanggungjawab mengubah nama Kampung Sungai Derhaka menjadi Kampung Pertama. Nama tersebut lebih bermakna buat penduduk berbanding Sungai Derhaka yang pernah menerima teguran. Dinamakan Kampung Pertama adalah bersempena dengan peristiwa penanaman padi sebanyak dua kali setahun yang telah diusahakan oleh penduduk di situ. Peristiwa penanaman padi dua kali setahun adalah pertama kali dilakukan di Malaysia yang sebelum itu pada ditanam sekali setahun. Ia juga dikatakan sebagai singkatan perkataan Pertanian Malaysia (Pertama). Kedua-dua masjid itu kemudiannya dikenali sebagai Masjid Batu Kampung Pertama dan Masjid Papan Kampung Pertama (Mohd Yusof Salleh, 2002).

Selepas ketiadaan Haji Zabidi, keadaan menjadi sebaliknya walaupun sembahyang Jumaat kekal digilirkan. Suasana harmoni yang ditonjolkan oleh Haji Zabidi tidak lagi menjadi amalan. Setiap masjid dikenali melalui identiti politik yang berbeza. Masjid Batu agak terkenal di Pulau Pinang kerana aktiviti-aktiviti yang dijalankan lebih menampakkan imej parti pembangkang sedangkan Masjid Papan pula dikenali sebaliknya. Situasi ini menampakkan wujudnya jurang perbezaan antara kedua-dua buah masjid. Kedua-dua ahli jawatankuasa tidak lagi memperlihatkan suasana bekerjasama dan berinteraksi khususnya dalam soal penunaian sembahyang Jumaat.

Penulis difahamkan pengerusi dan kebanyakan ahli jawatankuasa Masjid Batu lebih rela ke masjid lain pada hari Jumaat dari berjemaah bersama di Masjid Papan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Masjid Batu sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan terutamanya tazkirah pada bulan Ramadhan. Keadaan turut berlaku apabila tiba giliran sembahyang Jumaat di situ. Khutbah-khutbah sering disampaikan oleh khatib-khatib jemputan dari luar. Pengunjungnya melimpah ruah hampir ke jalanraya. Namun kebanyakannya difahamkan terdiri daripada orang luar. Suasana ini jika tidak diperbetulkan akan memperdalamkan lagi perpecahan dalam masyarakat khususnya di kariah Kampung Pertama. Ia juga secara tidak langsung menimbulkan imej negatif kepada Islam itu sendiri.

Setiap buah masjid mempunyai borang keahlian masing-masing dengan dikenakan bayaran tertentu. Keahlian ini adalah terbuka untuk semua penduduk Islam yang tinggal di kariah Kampung Pertama. Individu yang ingin menjadi ahli mana-mana masjid

dikehendaki mengisi borang dan mematuhi syarat-syarat yang ditentukan. Agak menarik lagi apabila setiap ahli boleh membatalkan keahliannya. Keistimewaan yang diperolehi oleh seseorang ahli ialah mereka boleh menggunakan kemudahan yang terdapat di masjid dan pertolongan ahli-ahli lain khususnya yang menyangkut persoalan kenduri kendara, nikah kahwin dan juga kematian. Dalam soal keahlian ini terdapat beberapa perkara yang dipertikaikan. Penggunaan tanah perkuburan berhampiran Masjid Batu hanya dikhususkan untuk ahlinya sahaja. Individu yang bukan ahli tidak dibenarkan menggunakan tanah perkuburan tersebut. Masjid Papan tidak mempunyai tanah perkuburan sendiri. Kewajaran ini dipertikai oleh jawatankuasa kariah Masjid Papan kerana tanah tersebut sebenarnya telah diwakafkan sekian lama untuk semua ahli kariah bukan untuk kelompok tertentu (Mohd Yusop Salleh, 2002).

11. Masjid Lama Sungai Bakap (Selatan) dan Masjid Baru Sungai Bakap (Utara)

Sungai Bakap terletak dalam Daerah Seberang Perai Selatan. Sungai Bakap bermula sebagai sebuah perkampungan Melayu tradisional yang penduduknya beragama Islam. Selain orang Melayu tempatan, Sungai Bakap turut dihuni oleh orang-orang Melayu Petani dari Selatan Siam (Thailand). Kebanyakan mereka datang sebagai peniaga untuk menjalankan perniagaan di Nibong Tebal. Kedatangan golongan Melayu Petani ini banyak memberi kesedaran Islam kepada penduduk setempat. Populasi penduduk Islam semakin bertambah di Sungai Bakap dan mereka memerlukan masjid untuk melaksanakan tanggungjawab beribadat (Hj. Malek Awang, 2002).

Pada tahun 1898 sebuah masjid didirikan di Sungai Bakap. Masjid ini didirikan secara gotong royong dengan mendapat kerjasama semua penduduk setempat. Bahan binaannya terdiri daripada kayu dan papan manakala atapnya diperbuat daripada nipah. Kedudukannya terletak di lereng sebuah bukit berhampiran Hospital Sungai Bakap dan juga kediaman Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

Pembinaannya diasaskan oleh sebuah keluarga yang berasal dari Petani. Mereka merupakan antara ahli perniagaan yang datang dari sana dan menetap di Sungai Bakap untuk menjalankan perniagaan. Ahli keluarga ini telah bertindak membeli sebidang tanah untuk dibina masjid bagi kemudahan penduduk setempat. Waris keturunan keluarga ini masih ada yang tinggal di Sungai Bakap dan selebihnya telah berpindah ke negeri Perlis. Perasmian Masjid Sungai bakap ini dilaksanakan oleh Pegawai Daerah ketika itu, Tuan Syed Ibrahim (Hj. Malek Awang, 2002).

Pertengahan tahun 1800 Pekan Sungai Bakap mula berkembang dengan kedatangan ramai peniaga dari luar terutamanya dari kalangan India Muslim. Golongan India Muslim ini turut menjadikan Masjid Sungai Bakap sebagai tempat tumpuan mereka beribadat. Masyarakat Melayu tempatan pada peringkat permulaan menerima kehadiran mereka untuk beribadat di masjid ini. Namun lama kelamaan mula timbul perasaan kurang senang di kalangan orang Melayu tempatan terhadap golongan India Muslim ini apabila mereka dikatakan telah cuba mencampuri urusan pentadbiran masjid (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

Di awal tahun 1900 telah timbul pertelingkahan antara penduduk tempatan dengan golongan India Muslim. Masyarakat Melayu tempatan tidak membenarkan golongan India Muslim terlibat dalam urusan pentadbiran Masjid Sungai Bakap. Isu ini timbul apabila masyarakat Melayu tempatan tidak dapat menerima perlantikan golongan India Muslim untuk menjadi sebahagian daripada ahli jawatankuasa masjid. Keengganan

masyarakat Melayu ini kerana bagi mereka golongan India Muslim adalah pendatang dan mereka tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam urusan masjid yang ditubuhkan oleh orang Melayu (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

Masyarakat India Muslim merasa kurang senang dan marah dengan sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu. Bagi mengatasi permasalahan ini mereka telah mengadakan satu perjumpaan melibatkan semua golongan India Muslim. Dalam perjumpaan yang diadakan itu mereka membincangkan tentang tindakan yang wajar diambil berhubung dengan sikap masyarakat Melayu tempatan tersebut. Akhirnya mereka mengambil keputusan untuk mengadukan masalah ini kepada ketua masyarakat India Muslim di Pulau Pinang yang dikenali sebagai Saudagar Rawther. Beliau merupakan seorang ahli perniagaan yang memiliki tongkang-tongkang di Pulau Pinang (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

Dalam pertemuan yang diadakan, Saudagar Rawther telah menasihatkan masyarakat India Muslim di Sungai Bakap supaya mengelakkan perselisihan faham dengan orang Melayu. Beliau bimbang perselisihan faham tersebut boleh membawa kepada pergaduhan kaum antara India Muslim dengan orang Melayu. Masyarakat India Muslim Sungai Bakap diminta oleh Saudagar Rawther mencari sekeping tanah untuk dibeli bagi didirikan sebuah masjid. Beliau turut mengarahkan mereka mengutip derma bagi tujuan tersebut (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

Usaha tersebut telah dijalankan oleh masyarakat India Muslim dan akhirnya mereka telah dapat membeli sekeping tanah seluas 4 ekar dari seorang Melayu. Tanah ini kemudiannya telah dijadikan sebagai tanah wakaf untuk masjid dan juga kubur. Kedudukannya adalah di hujung utara Pekan Sungai Bakap dengan jarak sejauh 1 kilometer dari masjid lama. Masjid baru ini telah dibina dengan menggunakan kayu dan juga papan. Setelah siap dibina semua masyarakat India Muslim di Sungai Bakap telah menggunakan masjid ini. Walaupun masjid ini didirikan oleh mereka, orang-orang Melayu tidak dihalang untuk datang beribadat. Golongan India Muslim turut memohon bantuan dari pondok persekitaran untuk membantu menghidupkan masjid kerana kekurangan orang yang berkelayakan dalam kalangan mereka (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

Selepas tertubuhnya masjid baru ini, Sungai Bakap mempunyai dua buah masjid yang jaraknya agak dekat. Justeru keputusan telah diambil untuk menamakan kedua-dua buah masjid tersebut. Masjid lama kemudiannya dikenali sebagai Masjid Lama Sungai Bakap dan masjid baru dikenali sebagai Masjid Baru Sungai Bakap (Hj. Jamaluddin Abu Bakar, 2002).

12. Penggiliran Sembahyang Jumaat

Selepas kewujudan masjid baru, masyarakat India Muslim tidak lagi mengunjungi masjid lama. Masjid baru menjadi tumpuan mereka melaksanakan aktiviti-aktiviti ibadat dan sosial. Bermula dari penubuhan di awal tahun 1900 sehingga beberapa lama selepas itu, setiap masjid mengadakan sembahyang Jumaat secara berasingan. Orang-orang Melayu kebanyakannya mengunjungi Masjid Lama manakala golongan India Muslim dan sejumlah orang Melayu berkunjung ke Masjid Baru. Begitulah suasana perjalanan hari Jumaat mereka. Interaksi sesama dua golongan seagama ini tidak berlaku di dalam masjid (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

Situasi ini secara tidak langsung menimbulkan keresahan kepada sebilangan anggota masyarakat. Masjid tidak menjadi wadah penyatuan sebaliknya lambang kepada perpecahan umat Islam di Sungai Bakap. Walaupun kemudiannya pentadbiran masjid baru diterajui oleh orang Melayu, sembahyang Jumaat kekal dijalankan secara berasingan. Pada tahun 1956 pihak berkuasa agama negeri Pulau Pinang telah mengarahkan supaya suasana ini diperbetulkan kerana ia tidak menampakkan imej perpaduan yang terkandung dalam ajaran Islam. Umat Islam Sungai Bakap diminta menggilirkan sembahyang Jumaat antara kedua-dua buah masjid. Tujuannya adalah untuk mewujudkan perpaduan antara sesama mereka. Sistem penggiliran ini terus berjalan sehingga sekarang (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

Usaha penyatuan ini tidak terhenti setakat itu sahaja, pada tahun 1965 sistem pentadbiran kedua-dua buah masjid telah diseragamkan. Segala aktiviti yang dijalankan dirancang secara bersama untuk kepentingan kedua-dua buah masjid dan masyarakat Islam setempat. Namun penyatuan ini hanya dapat bertahan selama lima tahun sahaja. Atas persetujuan ramai pada tahun 1970 hingga sekarang pentadbiran kedua-dua buah masjid telah diasingkan. Pengasingan ini difikirkan lebih memberi faedah kepada umat Islam dari segi peruntukan kerajaan dan pelaksanaan aktiviti. Pentadbiran kedua-dua buah masjid secara jelas menampakkan persefahaman mereka (Hj. Nasarudin Md. Noor, 2002). Keadaan ini dapat dilihat apabila masing-masing masjid bersepakat dalam melaksanakan aktiviti bagi memudahkan masyarakat Islam mengikutinya. Bagi sembahyang sunat dua hari raya pula wujud persetujuan untuk mengadakannya pada waktu yang tidak sama. Mana-mana yang tidak sempat mengerjakannya di masjid yang terdahulu akan boleh melaksanakannya di masjid satu lagi selepas itu (Hj. Othman Mat Dak, 2002). Suatu ketika seseorang individu boleh menganggotai jawatankuasa kedua-dua buah masjid serentak. Bagi memudahkan urusan pentadbiran, sekarang seseorang individu hanya dibenarkan memegang jawatan untuk sebuah masjid sahaja (Hj. Nasarudin Md. Noor, 2002).

Arus pembangunan dan pembaharuan turut mempengaruhi Masjid Sungai Bakap Lama dan Baru. Pada tahun 1980 Masjid Sungai Bakap Lama telah diperbaharui. Masjid yang asalnya menggunakan kayu telah diganti dengan batu. Sebagai harta wakaf, kayu-kayu yang masih boleh diguna disumbangkan kepada surau-surau yang memerlukan. Sumber kewangan diperolehi melalui sumbangan orang ramai. Pengubahsuaian berlaku dari semasa ke semasa dan lebih menarik lagi apabila penderma bukan sahaja terdiri daripada kalangan umat Islam malah turut membabitkan kaum Cina. Pada tahun 1990, satu keluarga keturunan Cina dari keluarga Kee Yong Chin telah menyumbang sebidang tanah seluas 1 ekar berdekatan masjid. Di sini menampakkan toleransi yang wujud dalam masyarakat di Sungai Bakap walaupun berlainan agama dan untuk tujuan agama lain. Tanah itu kemudiannya didirikan sekolah di atasnya untuk kebajikan pendidikan anak-anak penduduk Islam setempat (Hj. Malek Awang, 2002).

Masjid Sungai Bakap Baru turut mengalami perubahan. Pada tahun 1960 bangunan masjid yang terdiri daripada kayu telah diganti dengan batu hasil sumbangan wakaf orang ramai. Pada tahun 1972, pengubahsuaian dilakukan lagi dan berikutnya pada tahun 1999 seperti yang dilihat sekarang. Seperti masjid lama, masjid baru pengubahsuaian dilakukan selaras dengan penambahan penduduk dan pekembangan semasa (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

Pengubahsuaian yang berlaku ini menyebabkan masyarakat tidak dapat membuat perbezaan antara masjid baru dan lama. Bagi mengatasi kekeliruan ini, Jawatankuasa

Kariah Masjid Baru telah menambah perkataan utara kepada nama masjid menjadikannya Masjid Baru Sungai Bakap (Utara). Masjid Lama pula dinamakan sebagai Masjid Lama Sungai Bakap (Selatan). Pentadbiran Masjid Baru juga tidak lagi dimonopoli oleh kaum India Muslim. Jawatankuasa dan pegawai-pegawai masjid kini terdiri dari kalangan masyarakat Melayu tempatan. Isu perpecahan yang menyebabkan perpecahan dahulu sudah tidak timbul lagi malahan ia tidak menjadi kudis kepada masyarakat Islam di Pekan Sungai Bakap. Mereka menjalani kehidupan secara harmoni tanpa sebarang prasangka perkauman. Masjid Baru dan Lama Sungai Bakap sudah menjadi masjid yang dimiliki oleh semua umat Islam tanpa mengira bangsa (Hj. Othman Mat Dak, 2002).

13. Masjid Kampung Pelet dan Penentangan Terhadap Dakwah Hj. Awang

Masjid Kampung Pelet terletak berdekatan dengan Pekan Penanti dalam daerah Seberang Perai Tengah. Tarikh sebenar pembinaan masjid tersebut tidak dapat dikenal pasti. Masjid ini diasaskan oleh pendakwah Islam daripada Selatan Thailand iaitu Hj. Awang bin Hj. Ibrahim. Beliau berhijrah ke situ bersama umat Islam lain pada awal abad ke 20 setelah berlaku peperangan dan kekacauan di Selatan Thailand. Tujuan asal kedatangan mereka adalah untuk menyelamatkan diri daripada kekacauan tersebut. Hj. Awang dikatakan individu penting dalam usaha penyebaran dakwah Islam di Kampung Pelet. Beliau mempunyai beberapa orang pengikut yang turut sama berdakwah dengannya (Abdul Rahman Sharif, 2002).

Bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah Islam, Hj. Awang telah mendirikan sebuah pondok di atas tanah yang dimilikinya. Di sini beliau mengajar penduduk di situ berbagai ilmu mengenai Islam serta menjadi tempat penduduk berkumpul untuk mengerjakan solat secara berjamaah. Hj. Awang sentiasa menyeru penduduk tempatan untuk berjihad di jalan Allah bersamanya dan membasmi amalan-amalan yang bercanggah dengan Islam (khurafat). Beliau kemudiannya dengan kerjasama penduduk membina masjid di atas tapak tersebut. Ketika itu terdapat sebilangan penduduk yang masih berpegang kuat dengan amalan-amalan khurafat seperti memuja roh nenek moyang, mandi tolak bala, kepercayaan kepada penunggu, yakin dengan bomoh, sihir dan seumpamanya. Wujud beberapa tempat untuk aktiviti pemujaan di kampung tersebut (Yaakob Zain, 2002).

Kumpulan ini dikenali sebagai Merah Putih dan mempunyai pengaruh kuat di kalangan penduduk setempat. Golongan ini tidak senang dengan kehadiran Hj. Awang yang menentang amalan kehidupan mereka selama ini. Kumpulan Merah Putih semakin marah apabila dakwah Islam yang dibawa oleh Hj. Awang mendapat sambutan yang baik daripada penduduk setempat. Mereka berusaha memujuk pengikut Hj. Awang supaya kembali kepada ajaran lama. Pada waktu yang sama juga mereka mengganggu dan memulau Hj. Awang bertujuan mematahkan semangatnya. Kecekanan dan kegigihan Hj. Awang menyebabkan pengaruhnya tidak dapat diluntur. Pengikutnya semakin bertambah (Abdul Rahman Sharif, 2002).

Malahan nama kampung tersebut juga dikaitkan dengan Hj. Awang. Ketika mengajar beliau menggunakan loghat asal daerahnya di Selatan Thailand. Loghat pelat ini agak berbeza berbanding dengan pertuturan harian penduduk setempat. Penduduk menyebutkannya sebagai *pelet Siam* (pelat Siam). Dari situlah kemudiannya timbul

perkataan *pelet* yang kemudiannya menjadi nama kampung tersebut iaitu Kampung Pelet (Abdul Rahman Sharif, 2002).

14. Penutup

Konflik dalam kalangan masyarakat Islam bukan suatu isu baru. Ia berlaku apabila terdapat rasa tidak senang satu pihak terhadap pihak yang lain. Setiap pihak mempertahankan pendirian masing-masing dengan mengabaikan ruang untuk bertolak ansur. Keadaan di Pulau Pinang menjadi lebih tragis apabila institusi masjid yang sepatutnya menjadi medan perpaduan bertukar menjadi gelanggang perbalahan demi mempertahankan pendapat masing-masing.

Ia juga menunjukkan perpecahan umat Islam bukan hanya kerana faktor politik semata-mata. Apa-apa sahaja isu yang mengganggu gugat kepentingan masing-masing akan diheret untuk mencetuskan perbalahan. Walaupun perbalahan telah menjadi asam garam kehidupan, usaha berterusan wajib dicari untuk menyelesaikannya. Kita sekian lama kepenatan bertarung dalam 'kesilapan mentafsir musuh dan medan'.

Rujukan

- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1987.
- Arenawati, *Sejarah tanah Melayu Dan Sekitarnya 1400-1967*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1969.
- Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, pengenalan dan anotasi oleh Mohd. Fadzil Othman, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1980.
- L. A. Mills, *British Malaya 1824-67*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966.
- Little, Philip, *Penang Photographes*, Singapore: Times Editions, 1986.
- Md. Salleh Md. Gaus, *Politik Melayu Pulau Pinang 1945-1957*, Kuala Lumpur: Dewan bahasa Dan Pustaka, 1984.
- Makalah Dalam Internet/ Kertas Edaran
- Abdur-Razzaq Lubis, Tokoh-tokoh Sejarah di Georgetown, Pulau Pinang, *Warisan Kita Di Tanjung, Bengkel Belia, 15-20 Jun 2002*, Georgetown, Pulau Pinang.
- A. Ghafar Ahmad, Pemuliharaan Masjid Melayu Lebuh Aceh, Georgetown, Pulau Pinang, *Warisan Kita Di Tanjung, Bengkel Belia, 15-20 Jun 2002*, Georgetown, Pulau Pinang
- Lebuh Aceh & Lebuh Armenian, Wadah Tumpuan Warisan Budaya, *Pusat Warisan Pulau Pinang*.
- Menyinkap Rahsia Jalan-Jalan Di George Town, Jejak Warisan Penang Heritage Trail, Penang Heritage Trust.
- Neil Khor Jin Keong, Islam's imprint, <http://www.thestar.com.my/lifestyle/story.asp?>

Temubual

- Abdul Malik Kassim (Y. B.), (2009). Pengerusi Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pulau Pinang. Wawancara secara bebas, 30 Jun, jam 7.54 petang.
- Abdul Rahman Shariff, (2002). Setiausaha Jawatankuasa Qaryah, Masjid Kampung Pelet, Penanti. Wawancara secara bebas, 7 Januari. Jam 11.30 pagi.
- Hj. Ariffin Saidin (2002). Kpg. Pengkalan Machang, Butterworth. Wawancara berakam, 9 April, jam 10.30 pagi.
- Hj. Ashaari Ibrahim (2002). Sg. Dua, Butterworth. Wawancara berakam, 3 April, jam 10.30 pagi.
- B. Hidayathullah (2002). Persatuan al-Iman, Jalan Masjid Kapitan Keling, Georgetown. Wawancara berakam, 6 Jun, jam 4.45 petang.
- Hj. Hassan Musa (2002). Imam Masjid Papan, Kpg. Pertama, Bukit Mertajam. Wawancara berakam, 13 April, jam 10.30 pagi.
- Hj. Ibrahim Awang (2002). Naib Peng. Qaryah Masjid Papan, Kpg. Pertama, Bukit Mertajam. Wawancara berakam, 13 April, jam 6.20 petang.
- Hj. Ismail Ishak (2002). Imam Masjid Batu, Kpg. Pertama, Bukit Mertajam. Wawancara berakam, 11 April, jam 1.50 petang.
- Hj. Jamaluddin Abu Bakar (2002). Peng. Qaryah Masjid Sg. Bakap Lama, Sg. Bakap, Nibong Tebal. Wawancara berakam, 18 April, jam 9.45 pagi.
- Hj. Khalid Ahmad (2002). Peng. Qaryah Masjid Hj. Abdul Rashid, Sg. Dua, Butterworth. Wawancara berakam, 8 April, jam 8.15 petang.
- Hj. Malek Awang (2002). Naib Peng. Qaryah Masjid Sg. Bakap Lama, Sg. Bakap, Nibong Tebal. Wawancara berakam, 18 April, jam 9.45 pagi.
- Hj. Mat Noor Ali (2002). Imam Masjid al-Amin, Sg. Dua, Butterworth. Wawancara berakam, 9 April, jam 9.00 pagi.
- Meera Mydin (2002). Peng. Qaryah Masjid Kapitan Keling, Persatuan al-Iman, Jalan Masjid Kapitan Keling, Georgetown. Wawancara berakam, 6 Jun, jam 4.45 petang.
- Mohd Yusop Salleh (2002). S/U Qaryah Masjid Papan, Kpg. Pertama, Bukit Mertajam. Wawancara berakam, 13 April, jam 6.20 petang.
- Hj. Mokhtar Tajri (2002). Peng. Qaryah Masjid Batu, Kpg. Pertama, Bukit Mertajam. Wawancara berakam, 11 April, jam 12.30 t/hari.
- Hj. Nasarudin Md. Noor (2002). S/U Qaryah Masjid Sg. Bakap Lama, Sg. Bakap, Nibong Tebal. Wawancara berakam, 18 April, jam 9.45 pagi.
- Hj. Othman Mat Dak (2002). Peng. Qaryah Masjid Sg. Bakap Baru, Sg. Bakap, Nibong Tebal. Wawancara berakam, 18 April, jam 11.50 pagi.
- Hj. Othman Rejab (2002). Bekas Peng. Masjid Hj. Abdul Rashid, Sg. Dua, Butterworth. Wawancara berakam, 4 April, jam 11.00 pagi.
- Hj. Othman Sahid (2002). Naib Pengerusi Qaryah Masjid al-Amin, Sg. Dua, Butterworth. Wawancara berakam, 10 April, jam 11.00 pagi.
- Yaakob Zain, (2002). Ahli Jamaah Masjid Kampung Pelet, Penanti. Wawancara secara bebas, 7 Januari, jam 11.30 pagi.
- Hj. Yusof Idris (2002). Sg. Dua Pekan, Butterworth. Wawancara berakam, 3 April, jam 3.30 petang.

Dokumen Kerajaan

- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Negeri Pulau Pinang) 1993
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2000
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996
- Kaedah-kaedah Jawatankuasa Qaryah Dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997
- Minit Mesyuarat Lembaga Penasihat Islam dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang, RCP/0447/57.